

**Hargai Jasa Dan Pengorbanan Ibu Bapa, Kata Perdana Menteri  
Bernama  
1 Jun, 2012**

PELABUHAN KLANG, 1 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menasihati rakyat supaya sentiasa menghargai jasa ibu bapa walau setinggi mana pun pangkat dan kedudukan mereka.

Beliau berkata seorang anak tidak akan berjaya dalam hidup tanpa kasih sayang dan pengorbanan ibu bapa yang tidak berbelah bahagi.

Oleh itu, katanya apabila seseorang itu sudah menyandang kedudukan tinggi sama ada jutawan, hartawan, ahli politik mahu pun perdana menteri, segala jasa ibu bapa perlu dikenang.

"Saya akan cakap terus terang. Saya tidak mungkin menjadi perdana menteri tanpa peranan ibu bapa saya selama ini. Kalau ibu bapa saya tidak didik saya dengan baik dan saya tidak terima nasihat mereka, hari ini tidak mungkin saya jadi seorang perdana menteri.

"Dalam budaya orang Cina, mereka sangat menitikberatkan nilai menghormati ibu bapa. Orang Melayu juga ada nilai sama hingga dalam Islam disebut syurga terletak di bawah tapak kaki ibu dan begitu juga orang India juga ada nilai sama," katanya semasa berucap pada majlis makan malam Jasamu Dikenang sempena Hari Ibu Bapa anjuran MCA di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Pandamaran B di sini.

Perdana Menteri berkata rakyat juga perlu mengenang budi pihak yang banyak berkorban dalam membantu mereka selama ini dengan berusaha mewujudkan keharmonian di negara ini.

"Pepatah Cina menyatakan 'kalau minum air perigi jangan lupa orang yang menggali perigi'. Barisan Nasional sudah terbukti berjaya mewujudkan keharmonian dan keamanan sehingga membolehkan semua kaum hidup tanpa sekatan dan halangan.

"Saya juga beri jaminan sebagai Perdana Menteri, saya akan berusaha menjaga keamanan dan keharmonian dalam negara ini supaya semua kaum boleh hidup dengan aman," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=670473>